Campus Life

UMP Menang Anugerah Khas Juri Festival Teater Pengisahan Kemanusiaan TOP

Sat, 02/24/2018 - 16:50

Pulau Pinang - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima Anugerah Khas Juri sempena penganjuran Festival Teater Pengisahan Kemanusiaan ‘Theater of Pattern’ (TOP) yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM). Program mendapat kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dengan tajuk “Berdiri Di Atas Kerusi Sendiri” hasil karya mahasiswa tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Mohammad Rizal Md. Ali berjaya memikat hati juri meraih kemenangan. Rizal yang juga Presiden Kelab Teater Senandika UMP berkata, pertandingan ini merupakan salah satu inisiatif yang baik untuk penggiat teater terutama mahasiswa bagi menghasilkan sebuah persembahan yang padat dengan mesej dan disampaikan dengan gaya paling ringkas.

“Sungguhpun pertama kali menyertainya, kami berbangga dengan hasil kumpulan selain menimba banyak pengalaman baharu dalam dunia pementasan teater terutamanya TOP menampilkan satu genre yang memperlihatkan kelainan dan keunikan pemikiran serta ideologi di pentas,” katanya.

Di samping itu, melalui tema penganjuran kali ini iaitu kemanusiaan, TOP dapat menyampaikan mesej dan pendidikan persembahan yang mempunyai nilai kemanusiaan yang dapat dihayati oleh penonton.

Pertandingan menyaksikan 12 Universiti Awam telah mengambil bahagian dan tempat pertama dimenangi oleh pihak UTEM dengan membawa naskah ‘Merekah Bumi Shatilla”, manakala naib johan dimenangi oleh tuan rumah USM dengan teater bertajuk “Aksi Si Kucing”. Dalam pada itu karya “Manusia Oh Manusia” dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berjaya mendapat tempat ketiga.

Bagi peserta, Siti Komariya Asan, pelajar tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menyifatkan bahawa semangat dan kerjasama daripada kumpulan merupakan aspek utama yang membantu mereka untuk lebih berani dan berkeyakinan.

Katanya, sebagai salah seorang pelakon TOP, kejayaan yang diraih ini adalah pemangkin semangat kumpulannya untuk lebih bersedia dan lebih kreatif pada masa hadapan. Pihaknya juga mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP yang banyak menyokong dan membantu menguruskan penglibatan kami dari mula hingga akhirnya.

Selain itu barisan juri yang terdiri daripada Badruhisham Darus, Roslee Mansor dan Zakaria Ariffin sebagai ketua juri menyifatkan jalan cerita dan persembahan yang dihasilkan oleh Senandika ada keunikkan tersendiri dan tersusun. Turut sama memeriahkan program adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni USM, Prof. Dato’ Dr. Adnan Hussein dan

Pegawai KPT, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Faudziah Md Din.

Disediakan oleh Noor Afiza Mohd Asmi dari Pusat Sukan dan kebudayaan UMP dan disunting oleh Bahagian Komunikasi dan Korporat

TAGS / KEYWORDS

Senandika

Teater

Kementerian Pendidikan Tinggi

- 130 views

View PDF